

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HKB 213 – Kesusasteraan Afrika Moden

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pilih salah satu daripada dua isu berikut:

[a] *The Agendas of the Big Three* **atau**

[b] Fahaman *Negritude*

Berdasarkan pilihan yang telah anda buat, huraikan secara mendalam mengenai agenda **atau** fahaman tersebut. Dengan merujuk kepada genre prosa dan puisi yang telah anda pelajari, bincangkan sejauhmana isu-isu penting yang terdapat dalam fahaman **atau** agenda itu berfungsi sebagai bahan sastera untuk memperkenalkan warisan budaya Afrika ke persada dunia.

2. Telitikan petikan berikut:

Obierika yang merenung tepat pada mayat temannya yang terbuai-buai itu, tiba-tiba menoleh pada Pesuruhjaya Daerah dan dengan garang menyatakan, "Okonkwo ialah seorang yang ternama di Umuofia ini. Kamulah yang telah mendorong sehingga dia membunuh dirinya sendiri dan sekarang dia akan ditanam tak ubah seperti menanam bangkai seekor anjing..." Dia kehilangan kalimah untuk meneruskan kata-katanya. Suaranya gementar dan kata-katanya hilang dalam kerongkong [hlm. 215].

Dengan berpandukan petikan yang dikutip dari novel *Things Fall Apart* (terj.) **Okonkwo** karya Chinua Achebe, kemukakan secara kritis sejauhmanakah dapat dibuktikan bahawa watak utama novel ini adalah seorang wira puaknya?

3. Dikatakan Yoruba adalah Soyinka dan Soyinka adalah Yoruba. Berdasarkan ungkapan tersebut, bincangkan sejauhmanakah watak-watak yang ditampilkan oleh Wole Soyinka menerusi dramanya **The Swamp Dwellers** dapat menyampaikan mesej dan pemikiran beliau mengenai amalan etnik Yoruba?
4. Keseluruhan jalinan cerita novel **Cry Freedom** (terj.) **Laungan Kebebasan** karya John Briley memaparkan suasana kehidupan masyarakat Afrika Selatan di bawah tekanan *Apartheid*. Namun demikian, novel ini masih kekal segar sebagai sebuah karya fiksi yang menarik.

- Berdasarkan pernyataan di atas dan dengan mengemukakan contoh-contoh peristiwa yang signifikan, huraikan secara kritis sejauhmana unsur cereka dan fakta-fakta sejarah dapat bergabung sebagai bahan yang terbaik untuk proses kreativiti pengarang.
5. Achebe berpendapat novel ***The Beautiful Ones Are Not Yet Born*** (terj.) ***Yang Indah Belum Menjelma Lagi*** karangan Ayi Kwei Armah sebagai “a sick book” dan “no telephone to heaven”, manakala Robert Fraser memberi pandangan bahawa watak utama novel ini sebagai “the man is a victim of history”. Dengan berdasarkan kedua-dua pandangan tokoh itu dan dengan mengambil kira kewajaran-kewajaran Armah mempamerkan situasi Ghana selepas merdeka, perlihatkan secara kritis sejauhmana dimensi sejarah (*historical dimension*) menjadi aspek penting dalam penghasilan novel ini.
 6. Karya-karya Catherine Obianuju Acholonu, Ama Ataa Aidoo dan Flora Nwapa seringkali tidak terpisah dari mengemukakan pengalaman hidup wanita dalam pelbagai peringkat umur. Dengan merujuk kepada cerpen-cerpen “Mother Was A Great Man”, “The Girl Who Can” dan “My Soldier Brother” bincangkan sejauhmanakah keberkesanan sudut pandangan wanita dalam mengenangkan emosi wanita?
 7. Walaupun cerpen “Black Skin White Mask” karya Dambudzo Marechera berlatar belakangkan senario Zimbabwe, dan cerpen “Ressurrection” karya Richard Rive mengilhamkan senario kehidupan masyarakat Afrika Selatan, namun kedua-dua buah cerpen tersebut ditautkan dengan pengalaman dan persekitaran yang hampir sama. Dengan mengambil kira aspek tema, lokasi dan latar peribadi kedua-dua orang penulis ini, huraikan maksud “pengalaman dan persekitaran yang hampir sama” itu.